



PELAJAR antarabangsa gembira berkumpul untuk berbuka puasa bersama-sama penuntut lain di UMP Gambang.

Shahrinnahar Latib
am@hmetro.com.my

Kuantan

“Pengalaman berpuasa di Malaysia memang berbeza daripada negara saya, namun apa menariknya setiap kali berbuka, kami dari pelbagai negara dapat bertukar juadah tradisional masing-masing,” kata penuntut warga Bangladesh, Md Fazlul Karim Khan, 38.

Dia yang mengikuti Ijazah Doktor Falsafah Sains dan Teknologi Industri di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkata, menjalani ibadah puasa di perantauan tidak pernah mengundang rasa tidak selesa, malah dia mengagapnya sebagai satu perkara yang perlu dilalui dengan gembira.

“Siapa yang tidak rindukan keluarga terutama ketika Ramadan, namun saya

Tukar juadah tradisional

■ Pelajar antarabangsa UMP kongsi pengalaman berpuasa di Malaysia

tetap bersabar dan menjalani kehidupan seperti biasa,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pengalaman berpuasa di Malaysia istimewa kerana boleh dikongsi dengan rakan dan keluarga apabila pulang ke negara asal nanti.

“Berpuasa di Malaysia paling menarik waktu berbuka kerana saya dapat merasai pelbagai makanan tempatan. Yang paling saya suka pulut seri kaya, karipap, rendang dan murtabak,” katanya.

Seorang lagi penuntut di Fakulti Pengurusan Industri UMP, Al Haimi Basheer Mohammed, 29, berkata, walaupun menunaikan ibadah puasa tanpa kehadiran keluarga, namun dia tidak pernah berasa keseorangan kerana dikelilingi ramai rakan dari pelbagai negara.

Dia yang berasal dari Yaman berkata, tahun ini tahun ke-10 dia menyambut Ramadan di Malaysia.

“Apa paling saya rindu pada Ramadan ketika bersahur kerana saya pasti teringatkan keluarga di kampung.

“Apabila mengerjakan solat tarawih bersama pelajar antarabangsa lain, ia sedikit sebanyak mengubat rindu kepada keluarga,” katanya.

Al Haimi Basheer berkata, UMP memberikan persekitaran rohani yang istimewa kerana kebanyakan pelajar menunaikan solat berjemaah di masjid.

“Mengam seronok sebab selepas berbuka, semua pelajar antarabangsa di sini akan berarak ke masjid untuk menunaikan solat,” katanya.

HM (TUMUP)
1 JUN 2019 (KHAMIS)
M/S - 42